



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
13 MEI 2019 (ISNIN)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Harian Metro

- | | | |
|---|---|----|
| - | Tahap keselamatan di taman permainan perlu dipertingkat | 23 |
|---|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
13 MEI 2019 (ISNIN)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Tahap keselamatan di taman permainan perlu dipertingkat
Muka Surat	23

Hn 13/5/19 n/s 23.

Kuala Lumpur

Tahap keselamatan di taman permainan perlu dipertingkat

Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu lebih proaktif dalam meningkatkan tahap keselamatan di taman permainan bagi mengelak kemalangan membabitkan kanak-kanak. Aktivis keselamatan, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, PBT tidak boleh menunggu untuk mengambil tindakan hanya apabila terdapat seseorang terutama kanak-kanak cedera ketika bermain di taman permainan kanak-kanak di bawah selenggaraan mereka.

Katanya, taman permainan kanak-kanak sepatutnya menjadi tempat yang selamat, namun sebanyak 530 kes dicatatkan pada 2014 dan 2016.

"Malah, pada 24 November tahun lalu,

seorang remaja perempuan berusia 15 tahun maut apabila kepalanya tersepit buaian yang dikhaskan untuk pengguna kurang upaya dalam kejadian di taman permainan di Kepong.

"Kemalangan itu tidak seharusnya dilupakan dan perlu dijadikan teladan agar PBT mengambil langkah proaktif bagi mencegah kemalangan di taman permainan kanak-kanak daripada berulang yang berpunca daripada kelemahan penyelenggaraan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, antara 2015 dan 2016, Biro Pengaduan Awam mendedahkan sebanyak 11,231 aduan dibuat kepada PBT membabitkan taman permainan kanak-kanak.